



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                           |    |
|---------------------------|----|
| - Air busuk, tanah mendap | 22 |
|---------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Air busuk, tanah mendap
Muka Surat	22

# Air busuk, tanah mendap

Dua agensi kenal  
pasti punca  
kejadian

AHMAD ISMADI ISMAIL

**TERATAI**

**A**ir Selangor dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) masih mengenal pasti punca kejadian tanah mendap dan dakaan air busuk di Jalan Bukit Permai, di sini.

Adun Teratai, Bryan Lai Wai Chong mengaku bimbang jika keadaan lebih teruk memaksa pihak berkaitan memutus jalan berkemaraan bagi tujuan kenaal pasti atau penyelenggaraan.

Justeru, beliau mahu perkara itu dapat diatasi segera dan berharap penduduk bersabar dengan kesultuan itu.

"Kejadian itu disedari oleh penduduk di sebuah pangaspuri yang berada di bawah bukit dan mendakwa



Penduduk berdekat mendakwa air berbau busuk.

**info**

Pihak Air Selangor telah melakukan kerja-kerja pengorekan tanah, manakala IWK akan memrap semula jalan

mereka mendapati air berbau busuk mengalir di lereng bukit, Isnin lalu," katanya.

Bagaimanapun menurut Bryan, penduduk sudah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Saya bersama Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat dan R Moganraj serta agensi berkaitan telah melawat tapak, kelmarin," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mendapati saliran air kumbahan pada saluran



Bryan (dua kiri) bersama kakitangan agensi berkaitan sedang meninjau keadaan tanah mendap.

utama IWK dipercayai tersumbat sebelum ini.

"Setelah pihak berkenaan melakukan flushing, saliran air itu kembali lancar," katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas Adun Teratai, Mohd Firdaus Babu memberitahu, agensi yang terlibat dipercayai masih belum dapat mengenal

pasti punca sebenar kejadian tanah mendap itu.

"Saya dimaklumkan pihak IWK akan membuat penyelenggaraan bagi setiap penyambungan paipnya. IWK bersama Air Selangor akan membuat kajian makmal sekiranya kes ini berulang kembali. Ini merupakan kes pertama kali

berlaku di kawasan itu.

"Pihak Air Selangor telah melakukan kerja-kerja pengorekan tanah, manakala IWK akan menurup semula jalan," katanya.

**Sinar Harian**  
**sinarharian.com.my**